



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 11 OKTOBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	BELANJAWAN 2026: TAMBAHAN PERUNTUKAN BUKTI KERAJAAN CAKNA TERHADAP GOLONGAN MEMERLUKAN – NANCY		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/10/10/belanjawan-2026-tambahan-peruntukan-bukti-kerajaan-cakna-terhadap-golongan-memerlukan-nancy/	TVSARAWAK.MY	
	https://onetiger.com/belanjawan-2026-diharap-perkukuh-kebijakan-dan-hak-kanak-kanak/	ONETIGER.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	BELANJAWAN 2026: PEMBERIAN KHAS RM600 JUTA PERKUKUH PEMBANGUNAN SARAWAK, SABAH – NANCY		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/10/10/belanjawan-2026-pemberian-khas-rm600-juta-perkukuh-pembangunan-sarawak-sabah-nancy/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	KASIH FUN RUN 2025: YKN SERU MASYARAKAT PRIHATIN KESIHATAN MENTAL		POSITIF
	https://sinarplus.sinarharian.com.my/fyi/eh-apa-tu/kasih-fun-run-2025-ykn-seru-masyarakat-prihatin-kesihatan-mental	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	MALAYSIA RANGKA PERSEDIAAN MENUJU NEGARA TUA 2043		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/malaysia-rangka-persediaan-menuju-negara-tua-2043	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/751864/khas/belanjawan/belanjawan-2026-peruntukan-rm126-bilion-hadapi-negara-tua-menjelang-2043	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://thesun.my/cerita/berita/belanjawan-2026-kerajaan-peruntuk-rm126-bilion-untuk-warga-emas-FD15070072	THESUN.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2477193	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/belanjawan-2026-kerajaan-madani-sediakan-rm126-bilion-untuk-kebijakan-180-ribu-warga-emas-542316	ASTROAWANI.COM	
	https://majoriti.com.my/maya/2025/10/10/rm126-bilion-perkasa-kebijakan-warga-emas-rangka-tindakan-penuaan-kebangsaan-2025-2045-bakal-lancar-november-ini	MAJORITI.COM.MY	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2025/10/10/senior-citizens-to-get-pocket-money-under-rm1-26bil-allocation	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2477390	BERNAMA.COM	
	https://rnggt.com/202543934/	RNGGT.COM	
	https://malysiabangkit.com/hadapi-negara-tua-peruntukan-rm1-26-bilion-untuk-warga-emas/	MALYSIABANGKIT.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1291710/2026-budget-rm126-billion-seniors-improved-elderly-care-and-welfare	NST.COM.MY	
	https://www.sinardaily.my/article/730896/focus/national/budget-2026-rm126bil-allocated-to-welfare-for-the-elderly	SINARDAILY.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=OqX45BaFMyQ	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KERAJAAN KOMITED NOKTAHKAN GEJALA BULI DI SEMUA PERINGKAT MASYARAKAT		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1456843/kerajaan-komited-noktahkan-gejala-buli-di-semua-peringkat-masyarakat	BHARIAN.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/seluruh-jentera-kerajaan-digembleng-tangani-gejala-buli	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/pendekatan-rentas-kementerian-pamer-komitmen-kerajaan-banteras-buli/	BULETINTV3.MY	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/10/buli-satu-jenayah-ruu-antibuli-2025-bakal-dibentang/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1273983/belanjawan-2026-ruu-antibuli-2025-dibentang	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/10/ruu-antibuli-dibentang-sesi-parlimen-kali-ini/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/751845/khas/belanjawan/belanjawan-2026-kerajaan-setuju-bentang-ruu-antibuli-untuk-noktahkan-buli---anwar	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/10/10/ruu-antibuli-2025-diperkenal-kerajaan-komited-tamatkan-jenayah-senyap/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.dagangnews.com/article/terkini/ruu-antibuli-2025-akan-dibentang-di-parlimen-banteras-jenayah-buli-secara-menyeluruh-59142	DAGANGNEWS.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/757651	MALAYSIAKINI.COM	
	https://malaysiabangkit.com/ruu-antibuli-2025-bakal-dibentang-jenayah-senyap-mesti-dinoktah-anwar/	MALAYSIABANGKIT.COM	
	https://sabahmedia.com/2025/10/10/ruu-antibuli-2025-buli-adalah-jenayah-senyap-yang-mesti-dihentikan-anwar/	SABAHMEDIA.COM	
	https://says.com/my/seismik/belanjawan2026-kerajaan-bersejua-bentangkan-ruu-antibuli-2025-menoktahkan-gejala-buli	SAYS.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1291702/2026-budget-government-mobilise-all-machinery-across-ministries-curb	NST.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/10/anti-bullying-bill-to-be-tabled-this-parliamentary-session-says-anwar	THESTAR.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/113847/budget-2026-antibullying-bill-to-be-introduce-along-with-tightening-of-cybercrime-laws	THEVIBES.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/10/budget-2026-government-to-table-anti-bullying-bill-boost-campus-safety-with-additional-cctv/194136	MALAYMAIL.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=gWXiY0b1Y0g	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	BELANJAWAN 2026: RM1.4 BILION BELA NASIB OKU		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/belanjawan-2026-rm1-4-bilion-bela-nasib-oku	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1274073/belanjawan-2026-oku-terima-bantuan-rm14-bilion	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/10/peruntukan-rm1-4-bilion-bagi-golongan-oku/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/10/belanjawan-2026-rm1-4-bilion-bantuan-kumpulan-oku/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2477407	BERNAMA.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/10/10/belanjawan-2026-rm1-4-bilion-disalur-kepada-golongan-oku/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.therakyatpost.com/trpbm/berita/2025/10/10/belanjawan-2026-kerajaan-peruntuk-rm1-4-bilion-untuk-bantuan-golongan-oku/	THERAKYATPOST.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=4foDZuUP4L4	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	PENGGUBALAN RUU JENAYAH SIBER TANGANI ANCAMAN DALAM TALIAN		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/penggubalan-ruu-jenayah-siber-tangani-ancaman-dalam-talian	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1274077/peruntukan-rm32-juta-tangani-scam-ancaman-siber-termasuk-jenayah-seksual	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/751838/khas/belanjawan/belanjawan-2026-ruu-jenayah-siber-digubal-tangani-scammer	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2477238	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2477217	BERNAMA.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/757674	MALAYSIAKINI.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	PENYERTAAN WANITA DALAM KEPIMPINAN KORPORAT MENINGKAT - PM		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1456877/penyertaan-wanita-dalam-kepimpinan-korporat-meningkat-pm	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/751918/video/berita-semasa-video/syarikat-kolot-tiada-lembaga-pengarah-wanita---pm	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/10/belanjawan-2026-syarikat-kolot-tiada-lembaga-pengarah-wanita/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.therakyatpost.com/trpbm/berita/2025/10/10/belanjawan-2026-kerajaan-sedia-dana-bagi-usahawan-wanita-belia/	THERAKYATPOST.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/10/10/belanjawan-2026-kerajaan-peruntuk-dana-besar-perkasa-wanita/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://malaysiatribune.news/berita-semasa/pm-tegur-syarikat-masih-tiada-lembaga-pengarah-wanita-sebagai-kolot/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	CABUL MURID DALAM TANDAS SEKOLAH, PENGAWAL KESELAMATAN, KEKASIH DITAHAN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1273818/cabul-murid-dalam-tandas-sekolah-pengawal-keselamatan-kekasih-ditahan	HMETRO.COM.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/pengawal-keselamatan-dan-teman-lelaki-ditahan-kes-cabul-murid-tahun-tiga-MC15066486	THESUN.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1456695/pengawal-keselamatan-sekolah-teman-lelaki-disyaki-cabul-murid-dalam	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/751788/berita/semasa/pengawal-keselamatan-teman-lelaki-ditahan-kes-cabul-murid-dalam-tandas-sekolah	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://buzzkini.my/news/2025/10/10/pengawal-keselamatan-teman-lelaki-ditahan-disyaki-cabul-pelajar-tahun-3-dalam-tandas-sekolah	BUZZKINI.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=eZoZldNjRw	YOUTUBE	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	REMAJA BERUSIA 16 TAHUN DITAHAN DISYAKI ROGOL ADIK KANDUNG		NEGATIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/10/10/remaja-berusia-16-tahun-ditahan-disyaki-rogol-adik-kandung	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://suarasarawak.my/remaja-17-tahun-ditahan-rogol-bekas-kekasih-bawah-umur/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.theborneopost.com/2025/10/10/teen-nabbed-for-allegedly-raping-younger-sister/	THEBORNEOPOST.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPWKM menerima peruntukan RM4.1 bilion menerusi Belanjawan 2026, kata Datuk Seri Nancy Shukri. Foto, Amiruddin Shah (TVS).

Belanjawan 2026: Tambahan peruntukan bukti kerajaan cakna terhadap golongan memerlukan – Nancy

By Lukman Mohd Amin #bm, Malaysia October 10, 2025 9:09 PM

KUALA LUMPUR, 10 Okt: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menerima peruntukan RM4.1 bilion menerusi Belanjawan 2026, kata Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau yang juga Menteri di KPWK berkata, jumlah itu menyaksikan peningkatan lebih RM1 bilion berbanding tahun lalu dan akan disalurkan untuk memperkukuh pelbagai inisiatif kebajikan dan perlindungan sosial.

Jelas Nancy, peningkatan itu membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap kumpulan rentan termasuk wanita, kanak-kanak dan orang kurang upaya (OKU).

"Saya ingin berterima kasih kepada Kerajaan MADANI kerana menambah peruntukan kepada KPWK.

"Dana ini akan memberi perkhidmatan dan bantuan kepada mereka yang memerlukan, terutama kumpulan sasaran seperti wanita, kanak-kanak dan OKU," katanya kepada TVS selepas pembentangan Belanjawan 2026 di Dewan Rakyat hari ini.

Tambah Nancy, antara pembaharuan utama ialah pelepasan cukai pendapatan individu RM3,000 untuk yuran taman asuhan atau tadika yang kini diperluaskan kepada pusat jagaan berdaftar bagi anak berumur sehingga 12 tahun, berkuat kuasa tahun 2026.

Sementara itu Nancy turut menegaskan komitmen kerajaan meningkatkan penyertaan wanita dalam kepimpinan korporat, dengan 45 peratus syarikat senarai awam kini memenuhi sasaran 30 peratus ahli lembaga pengarah wanita.

"Namun masih ada lapan syarikat yang belum mempunyai ahli lembaga wanita dan Suruhanjaya Sekuriti akan meningkatkan usaha untuk memastikan penyertaan wanita lebih meluas dalam kepimpinan korporat," jelasnya. -TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nancy bercakap kepada pemberita selepas pembentangan Belanjawan 2026 di Dewan Rakyat hari ini. Foto, Amiruddin Shah (TV5).

Belanjawan 2026: Pemberian khas RM600 juta perkukuh pembangunan Sarawak, Sabah – Nancy

By Lukman Mohd Amin #bm, Malaysia October 10, 2025 7:33 PM

KUALA LUMPUR, 10 Okt: Datuk Seri Nancy Shukri menyifatkan peningkatan kadar pemberian khas Sabah dan Sarawak kepada RM600 juta yang diumumkan dalam Belanjawan 2026 akan memperkukuh pembangunan infrastruktur di kedua – dua wilayah berkenaan.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, meskipun peruntukan itu masih belum mencukupi untuk menampung keseluruhan keperluan pembangunan di sana, namun ia tetap menjadi suntikan penting bagi memastikan kemajuan terus seiring dengan Semenanjung Malaysia.

"Sebenarnya ini adalah peruntukan yang kita tunggu setiap tahun kerana masih jauh lagi. Kalau ditanya, orang Sarawak dan Sabah, memang masih banyak lagi diperlukan.

"Namun kita (Sarawak) bersyukur kerana masih dapat mencari jalan lain untuk meningkatkan pendapatan bagi menambah bilangan projek yang ingin dinaik taraf, terutama prasarana," katanya selepas pembentangan Belanjawan 2026 di Dewan Rakyat hari ini.

Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong menambah, keluasan geografi Sarawak yang hampir menyamai Semenanjung Malaysia menjadi cabaran utama dalam memastikan pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas dapat dinikmati secara menyeluruh oleh rakyat.

"Cabarannya ialah untuk memastikan pembangunan dapat dipertingkatkan, (oleh itu setiap) tahun, memang kita menunggu bajet Kerajaan Persekutuan untuk menambah baik prasarana," ujarnya.

Sementara itu beliau memaklumkan Kerajaan Sarawak akan memulakan inisiatif pendidikan percuma kepada pelajar keluarga berpendapatan rendah pada tahun depan.

"Sarawak sudah mulakan dengan RM1,200 setahun untuk pelajar yang belajar di luar Sarawak bagi menampung perbelanjaan asas mereka.

"Bantuan ini diberikan secara menyeluruh tanpa mengira lokasi, namun tumpuan tetap diberi kepada pelajar dalam bidangbidang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM)," jelas beliau. -TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kasih Fun Run 2025: YKN seru masyarakat prihatin kesihatan mental

10 Oct 2025 05:30pm



KESEDARAN terhadap kesihatan mental semakin penting dalam era moden apabila semakin ramai individu di Malaysia berdepan tekanan hidup, keletihan emosi dan cabaran sosial yang menjejaskan kesejahteraan diri.

Menurut laporan semasa, peningkatan kes kemurungan, kebimbangan dan stres pasca pandemik menunjukkan bahawa isu kesihatan mental bukan lagi sesuatu yang boleh dipandang ringan. Ia bukan hanya melibatkan golongan dewasa, tetapi juga remaja, pelajar universiti, malah pekerja profesional di bandar besar.

Dalam mendepani situasi ini, pelbagai pihak tampil menggerakkan usaha kesedaran termasuk Yayasan Kebajikan Negara (YKN) melalui penganjuran program Kasih Fun Run 2025 – "Awak OK tak?", yang akan berlangsung di Dataran DBKL, Kuala Lumpur pada Ahad ini.

Program ini diadakan bersempena Bulan Kaunseling Kebangsaan dan Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2025 yang disambut setiap 10 Oktober, bertujuan memperkukuh kefahaman masyarakat terhadap kepentingan kesihatan mental dan kesejahteraan emosi.



Ketua Pegawai Eksekutif YKN, Puan Nordina Haron.

Ketua Pegawai Eksekutif YKN, Puan Nordina Haron, berkata kesihatan mental kini menjadi aspek penting dalam membentuk kesejahteraan individu dan masyarakat, dan perlu diberi perhatian sama seperti kesihatan fizikal.

"Menjaga kesihatan mental bukan sekadar mengelak tekanan, tetapi tentang bagaimana kita menyeimbangkan emosi, berhubung dengan orang lain dan membina daya tahan diri. Kasih Fun Run ini kami anjurkan sebagai simbol bahawa kesejahteraan diri bermula dengan langkah kecil dan memupuk kesedaran secara Santai,

Puan Nordina menambah, penganjuran program ini juga selaras dengan usaha memperkukuh sistem sokongan sosial dan psikososial melalui inisiatif seperti Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) YKN, yang menyediakan khidmat kaunseling berdaftar, bimbingan dan intervensi kepada mereka yang memerlukan.

Program Kasih Fun Run 2025 Yayasan Kebajikan Negara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), dengan Kerjasama Sinar Karangkraf Sdn Bhd, dan KL Car Free Morning, sebagai platform santai dan positif untuk menggalakkan masyarakat bergerak aktif sambil menyebarkan mesej kesihatan mental.

Larian sejauh 5 kilometer itu dijangka menarik lebih 1,000 peserta dari pelbagai lapisan masyarakat termasuk keluarga, pelajar dan kakitangan agensi kerajaan. Ia turut menawarkan pengalaman santai dengan suasana mesra komuniti di tengah-tengah ibu kota.

Mengulas lanjut, Puan Nordina menegaskan bahawa kesejahteraan mental berkait rapat dengan gaya hidup sihat. Aktiviti fizikal seperti berjalan atau berlari bukan sahaja baik untuk tubuh, malah membantu melepaskan hormon endorfin yang meningkatkan mood dan ketenangan.

"Kita mahu masyarakat memahami bahawa kesihatan mental bukan isu tabu, dan aktiviti ringan seperti Kasih Fun Run ini boleh menjadi permulaan kepada gaya hidup yang lebih seimbang," jelasnya.

Beliau turut menyeru agar masyarakat bersama-sama memecahkan stigma dan membina komuniti yang saling menyokong, dengan menjadikan empati dan kasih sayang sebagai teras hubungan sosial.

"Kami percaya bahawa kesejahteraan emosi bermula di peringkat komuniti. Apabila kita saling peduli dan peka terhadap orang di sekeliling, kita sebenarnya sedang membina negara yang lebih sihat," tambahnya.

Sempena Kasih Fun Run 2025, KPWK juga akan melancarkan kempen *Awak OK Tak?* sebagai mengukuhkan lagi selain turut menyediakan pelbagai aktiviti sampingan seperti ruai khidmat kaunseling, dan ruai-ruai daripada agensi di bawah KPWK termasuk Lembaga Penduduk dan Pemabgunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta promosi Talian Kasih 15999 bagi mereka yang memerlukan tempat untuk meluahkan dan mendapatkan bantuan profesional.

Selain itu, program ini juga menjadi platform untuk menggalakkan penyertaan sektor korporat dalam usaha sosial, selaras dengan komitmen YKN untuk menjalin kolaborasi strategik antara kerajaan, swasta dan komuniti.

"Kami amat menghargai sokongan semua rakan kolaborasi yang bersama YKN menjayakan program ini. Ia membuktikan bahawa kesejahteraan mental adalah tanggungjawab bersama, bukan hanya satu pihak," ujar Puan Nordina.

Acara yang bermula pada jam 7.00 pagi itu diadakan dalam suasana KL Car Free Morning, menjadikan ia peluang terbaik untuk masyarakat keluar beriadah bersama keluarga, rakan-rakan dan komuniti dalam persekitaran sihat tanpa tekanan.

Mengakhiri kenyataannya, Puan Nordina menyeru masyarakat untuk terus prihatin dan tidak segan mendapatkan bantuan sekiranya berdepan tekanan atau emosi tidak stabil.

"Kasih Fun Run ini bukan sekadar larian, tetapi simbol kasih sayang dan solidariti. Ia satu panggilan untuk kita semua bertanya, mendengar dan membantu kerana semua orang berhak untuk rasa 'OK', katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Malaysia rangka persediaan menuju negara tua 2043

Nasional - Dicipta: 10 Oktober 2025 07:49 PM



Foto hiasan/ RTM

KUALA LUMPUR, 10 Oktober - Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan 2025-2045 akan digubal sebagai panduan strategik menyeluruh yang bakal diluncur semasa New Frontiers on Care Conference peringkat ASEAN November ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar berkata Malaysia menuju negara tua menjelang 2043 dan persediaan mesti dimulakan sekarang bagi menjamin kesejahteraan hidup warga emas sambil memperkukuh ekonomi penjagaan dan solidariti sosial.

"Peruntukan kebajikan warga emas ditingkatkan kepada 1.26 bilion ringgit melibatkan 180,000 warga emas, antaranya untuk wang saku, bantuan sosioekonomi dan pusat aktiviti," kata beliau ketika membentangkan Belanjawan 2026 di Dewan Rakyat, hari ini.

Tambah Datuk Seri Anwar, Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) menumpukan pembinaan ekosistem perkhidmatan penjagaan yang mampan, berkualiti, mudah diakses dan mampu bayar.

Oleh itu, kerajaan akan membangunkan piawaian nasional bagi sektor penjagaan, yang menjadi asas kepada pengiktirafan sektor ini sebagai satu bidang profesional.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) akan menawarkan kursus TVET bagi pekerja jagaan (care workers) dengan peruntukan berjumlah RM5 juta.

"Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dengan komitmen RM300 juta telah merintis projek rumah warga emas mandiri di atas tanah Baitulmal di Kepala Batas, Pulau Pinang dengan kerjasama strategik bersama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. KWAP juga sedang menilai potensi projek serupa di lokasi lain bagi memanfaatkan lebih ramai warga emas berpendapatan rendah," jelasnya.

Datuk Seri Anwar berkata kerajaan bersetuju potongan cukai dua kali bagi syarikat yang menaja latihan bagi OKU diperluas kepada penajaan program latihan pekerja jagaan (care worker) yang diiktiraf KPWK.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : RUU ANTIBULI 2025 BAKAL DIBENTANG

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 OKTOBER 2025

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Kuala Lumpur: Kerajaan bersetuju membentangkan RUU Antibuli 2025 bagi mengekang gejala buli.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, buli ialah jenayah senyap yang mesti dinoktahkan sama ada di sekolah, universiti, tempat kerja mahupun di alam maya.

"Buli telah membunuh potensi, menanam trauma

berpanjangan malah meragut nyawa susulan itu kerajaan bersetuju untuk membentangkan RUU Antibuli 2025 pada sesi mesyuarat ini juga.

"Seluruh kekuatan dan tenaga jentera merentasi kementerian digembleng bagi mengekang gejala bu-

li," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2026 di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau berkata, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membangunkan Kerangka Antibuli Sekolah (SAFE) sebagai rangka menyeluruh pencegahan buli

di sekolah.

"Ini termasuk memperkasa peranan guru dan murid melalui Program Aman Sekolah Penyayang. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) meningkatkan keselamatan mahasiswa di kampus dengan menambak rakaman kamera litar

tertutup (CCTV) dan menganjurkan program sah-sah serta kepimpinan sebagai bentuk pencegahan buli dan ragging.

"Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menyediakan sokongan psikososial melalui sesi

kaunseling berkelompok," katanya.

Menurutnya, Kementerian Komunikasi melaksanakan Kempen Internet Selamat bagi meningkatkan tahap kesedaran siber dalam kalangan murid sekolah.

"Rakan Muda menggerakkan inisiatif 'Lawan Buli' dalam kalangan belia di akar umbi," katanya.

RUU Antibuli 2025 bakal dibentangkan

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan komited noktahkan gejala buli di semua peringkat masyarakat

Oleh Nor Azizah Mokhter - Oktober 10, 2025 @ 5:42pm



- Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Kerajaan komited untuk menoktahkan gejala buli yang digambarkan sebagai jenayah senyap meragut potensi dan nyawa insan, di samping meninggalkan trauma berpanjangan kepada mangsa.

Sebagai langkah menyeluruh, kerajaan akan membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Antibuli 2025 pada sesi mesyuarat Parlimen kali ini bagi memperkukuh kerangka perundangan untuk menangani perbuatan zalim itu di semua peringkat masyarakat.

Menegaskan demikian ketika membentangkan Belanjawan 2026 hari ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata seluruh kekuatan jentera kerajaan digembleng merentasi pelbagai kementerian untuk mengekang gejala buli.

Kementerian Pendidikan membangunkan Kerangka Antibuli Sekolah (SAFE) sebagai panduan menyeluruh pencegahan buli di sekolah, termasuk memperkasa peranan guru dan murid menerusi Program Amalan Sekolah Penyayang.

Di peringkat pengajian tinggi pula, Kementerian Pendidikan Tinggi meningkatkan keselamatan mahasiswa dengan menambah pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) dan menganjurkan program sahsiah dan kepimpinan sebagai usaha pencegahan buli dan ragging.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pula menyediakan sokongan psikososial melalui sesi kaunseling berkelompok, manakala Kementerian Komunikasi melaksanakan Kempen Internet Selamat bagi meningkatkan kesedaran siber dalam kalangan murid sekolah.

Selain itu, Rakan Muda menggerakkan inisiatif 'Lawan Buli' di akar umbi sebagai sebahagian daripada pendekatan membentuk masyarakat prihatin dan berempati terhadap mangsa.

"Buli ialah jenayah senyap yang mesti dinoktahkan. Gejala ini sama ada di sekolah, universiti, tempat kerja mahupun di alam maya, telah membunuh potensi, menanam trauma berpanjangan, malah meragut nyawa insan.

"Kita mesti putus rantai keadilan ini sampai ke akar, melalui didikan empati dan penguatkuasaan tanpa kompromi," kata Perdana Menteri.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	ANWAR RM1.4 BILLION TO ASSIST PWD; AUTISM SERVICE CENTRES EXPANDED TO SARAWAK, SABAH AND LABUAN		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	11 OKTOBER 2025	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Anwar: RM1.4 billion to assist PwD; autism service centres expanded to Sarawak, Sabah and Labuan

KUALA LUMPUR: The Madani government has allocated nearly RM1.4 billion for assistance to bedridden persons with disabilities (PwD), those unable to work, and PwD worker allowances.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said in addition, 100 specially equipped vans with wheelchair lifts would be provided to enhance mobility, while Autism Service Centres (PPA), currently operating in Peninsular Malaysia, would be expanded to Labuan, Sabah and Sarawak to benefit 13,000 individuals with autism and

their families.

"The government also plans to increase the individual income tax relief ceiling for the medical screening, early intervention and treatment of children with disabilities under 18 years old to RM10,000 from RM6,000," he said when tabling Budget 2026 in the Dewan Rakyat yesterday.

Meanwhile, the Prime Minister said through the Second Chance Policy, the government continued to support citizens seeking to rebuild their lives, resulting in 200,000 individuals being freed from bankruptcy since March 2023.

"To assist single parents, affected micro-entrepreneurs, scam victims and victims of abandoned housing projects, the Fast Track Second Chance Policy will be introduced to expedite the process through simpler and more targeted methods," he said.

Anwar added that RM15 million would be allocated to strengthen the Second Chance Programme for the benefit of 1,700 former drug addicts and 3,000 former female prisoners without family support, through start-up business incentives to help them rebuild their lives.
— Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Belanjawan 2026: RM1.4 bilion bela nasib OKU

Nasional - Dicipta: 10 Oktober 2025 08:41 PM



Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR, 5 Oktober - Bantuan hampir RM1.4 bilion akan disalurkan bagi membela nasib Orang Kurang Upaya, (OKU) menerusi pelbagai inisiatif tahun depan.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, peruntukan itu meliputi bantuan kepada OKU kronik terlantar, OKU tiada upaya bekerja dan Elaun Pekerja OKU.

Sebagai usaha memperkukuh sokongan kepada komuniti autistik, Operasi Pusat Perkhidmatan Autisme (PPA) akan diperluaskan ke Labuan, Sabah dan Sarawak.

"Tahun ini kita menubuhkan Pusat Perkhidmatan Autisme (PPA) di Semenanjung. Operasi PPA akan diperluaskan ke Labuan, Sabah dan Sarawak untuk manfaat 13,000 OKU autisme dan keluarga mendapatkan sokongan bersepadu," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2026 di Dewan Rakyat, hari ini.

Dalam pada itu, Datuk Seri Anwar berkata, Prasarana Malaysia Berhad komited menambah baik akses mobiliti bagi golongan OKU dengan penyediaan 100 buah van mobiliti khas.

"Van ini berupaya membawa sehingga tiga penumpang berkerusi roda dan dilengkapi dengan sistem pengangkat kerusi roda," tambahnya lagi.

Kerajaan juga bercadang menaikkan kadar pelepasan cukai pendapatan individu ke atas perbelanjaan pemeriksaan dan pengesanan, program intervensi awal serta rawatan pemulihan berterusan bagi anak kurang upaya berumur 18 tahun ke bawah kepada RM10,000 ketimbang RM6,000.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : RM12J TINGKAT KECEKAPAN NSRC TANGANI JENAYAH SIBER

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 11 OKTOBER 2025

M/SURAT : 15

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



RM12j tingkat kecekapan NSRC tangani jenayah siber

Kerajaan akan menggubal Rang Undang-Undang (RUU) Jenayah Siber bagi menangani jenayah siber dengan lebih menyeluruh, sejajar peningkatan ancaman penipuan dan serangan siber terhadap individu serta institusi kewangan.

Sebagai langkah memperkuh kedaulatan digital dan keselamatan siber negara, Agensi Keselamatan Siber Negara (NA-CSA) akan menubuhkan Pusat Pembangunan Keselamatan Siber dan Kriptologi bagi membangunkan keupayaan pertaha-

nan siber strategik negara.

Kes penipuan kewangan

Dalam masa sama, Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (NSRC) kini dikemudi secara langsung oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan pengendalian kes penipuan kewangan dapat dijalankan dengan lebih pantas dan cekap.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata bagi tujuan itu, kerajaan mem-

peruntukkan RM12 juta kepada

pusat berkenaan. Selain itu, katanya, peranan Jabatan Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) PDRM turut diperkasa dalam menangani jenayah seksual yang mengeksploitasi kanak-kanak di ruang siber.

"Sebanyak RM20 juta diperuntukkan bagi memodenkan sistem serta meningkatkan kepakaran forensik digital, selain menubuhkan Behavioural Science Unit yang berperanan menganalisis pola tingkah laku dan profil jenayah," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : NSRC DIKEMUDI PDRM

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 OKTOBER 2025

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

TANGANI JENAYAH SIBER

NSRC dikemudi PDRM

Kuala Lumpur: Kerajaan akan menggubal Rang Undang-Undang Jenayah Siber bagi menangani jenayah siber dengan lebih menyeluruh.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) menubuhkan Pusat Pembangunan Keselamatan Siber dan Kriptologi bagi memperkukuh kedaulatan digital dan keselamatan siber negara.

"Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (NSRC) kini dikemudi secara langsung oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) agar pengendalian kes penipuan kewangan lebih pantas dan cekap.

"NSRC diperuntukkan RM12 juta dan peranan D11 PDRM diperkasa dalam menangani jenayah seksual yang mengeksploitasi kanak-kanak di ruang siber.

"Bagi tujuan itu, sebanyak RM20 juta bagi memodenkan sistem dan kepakaran forensik digital, selain menubuhkan *Behavioural Science Unit* yang menganalisis pola tingkah laku dan profil jenayah," katanya ketika pembentangan Belanjawan 2026 di Dewan Rakyat, semalam.

Sementara itu, Anwar turut mengumumkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) menyediakan RM210 juta untuk membangunkan Sistem Amaran Awal (EWS) bagi memperkukuh kesiapsiagaan bencana dan krisis.

Katanya, ia sekali gus mengurangkan risiko kepada nyawa serta harta benda.

"Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (NSRC) kini dikemudi secara langsung oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) agar pengendalian kes penipuan kewangan lebih pantas dan cekap"

Anwar Ibrahim

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penggubalan RUU Jenayah Siber tangani ancaman dalam talian

Nasional - Dicipta: 10 Oktober 2025 08:27 PM



Foto hiasan

KUALA LUMPUR, 10 Oktober - Rang Undang-Undang Jenayah Siber akan digubal bagi menangani jenayah siber secara lebih menyeluruh.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, bagi menyokong perkara itu Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (NSRC) diperuntukkan sebanyak RM12 juta bagi menangani isu penipuan dan ancaman siber.

"Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) menubuhkan Pusat Pembangunan Keselamatan Siber dan Kriptologi bagi memperkukuh kedaulatan digital dan keselamatan siber negara.

"Pusat Respons Penipuan Kebangsaan (NSRC) kini dikemudi secara langsung Polis Diraja Malaysia (PDRM) agar pengendalian kes penipuan kewangan lebih pantas dan cekap," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan (2026) bawah Tekad 5: Memperkukuh Ketahanan Negara di Dewan Rakyat.

Bagi memperkukuh peranan D11 PDRM, sebanyak RM20 juta diperuntukkan dalam menangani jenayah seksual yang mengeksploitasi kanak-kanak di ruang siber.

Peruntukan itu juga bagi memodenkan sistem dan kepakaran forensik digital, selain menubuhkan Behavioural Science Unit yang menganalisis pola tingkah laku dan profil jenayah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penyertaan wanita dalam kepimpinan korporat meningkat - PM

Oleh Saadiah Ismail - Oktober 10, 2025 @ 6:05pm



KUALA LUMPUR: Penyertaan wanita dalam kepimpinan korporat menunjukkan kemajuan apabila 45 peratus syarikat senarai awam memenuhi 30 peratus ahli lembaga pengarah sehingga bulan ini.

Namun, masih terdapat lapan syarikat yang masih tidak mempunyai kepimpinan wanita sebagai ahli lembaga pengarah.

Justeru, kerajaan akan memastikan Suruhanjaya Sekuriti meningkatkan usaha penyertaan wanita dalam kepimpinan urus korporat.

Perkara itu dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam pembentangan Belanjawan 2026.

Turut diumumkan pelepasan cukai pendapatan individu sebanyak RM3,000 kepada pusat jagaan harian atau pusat transit berdaftar bagi anak yang berumur sehingga 12 tahun berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2026.

"Sebelum ini kerajaan memberikan pelepasan cukai ke atas perbelanjaan yuran taman asuhan atau taman didikan kanak-kanak yang berumur sehingga 6 tahun.

"Selain itu, kerajaan juga akan membela nasib 5,000 ibu tunggal miskin yang memerlukan bantuan guaman bagi penyelesaian kes-kes mahkamah seperti perceraian dan hak penjagaan anak," kata Perdana Menteri.

Anwar berkata, prestasi bayaran balik Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) juga cemerlang iaitu 99.97 peratus.

"AIM disediakan RM230 juta untuk terus menawarkan pembiayaan dan ini menjadikan dana AIM yang tersedia berjumlah RM2.9 bilion untuk manfaat lebih 300,000 sahabat usahawan.

"Sementara itu, Bank Rakyat, BSN, MARA dan SME Bank menyediakan pembiayaan RM270 juta bagi menyokong usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) wanita," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PENGAWAL KESELAMATAN WANITA, KEKASIH DITAHAN

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 OKTOBER 2025

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

KES CABUL MURID TAHUN TIGA DI TANDAS

Pengawal keselamatan wanita, kekasih ditahan

Rembau: Seorang pengawal keselamatan wanita dan kekasihnya ditahan polis selepas disyaki terabit mencabul seorang murid perempuan tahun tiga di tandas sebuah sekolah di daerah ini, Selasa lalu.

Terdahulu, pihak polis menerima satu laporan daripada ibu mangsa mendakwa anaknya yang berusia sembilan tahun itu dirogol ketika ke tandas sekolah berkenaan.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Alzafny Ahmad berkata, kedua-dua suspek ditahan di sekitar daerah Rembau pada malam Selasa susulan laporan dibuat.

"Lebih kurang jam 8 malam Selasa lalu, satu laporan polis dibuat seorang wanita mendakwa

anak perempuan yang belajar di sebuah sekolah kebangsaan di sini dirogol seorang lelaki.

"Kejadian berlaku ketika mangsa berada di dalam tandas sekolah itu kira-kira jam 9.30 pagi ketika murid berkenaan pergi ke tandas untuk membuang air," katanya, ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata, dalam kes itu terdapat tangkapan seorang wanita berusia 22 tahun iaitu pengawal keselamatan sekolah berkenaan dan seorang lelaki berumur 25 tahun yang juga teman lelaki wanita itu.

"Susulan itu, mangsa

dibawa ke Hospital Tunku Jaafar (HTJ), Seremban untuk pemeriksaan lanjut. Hasil pemeriksaan doktor mendapati tiada kejadian rogol berlaku dan disyaki cubaan rogol," katanya.

Katanya, kedua-dua suspek ditahan reman selama tujuh hari bermula 8 Oktober hingga 14 Oktober depan dan kes disiasat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

"Hasil siasatan mendapati tiada unsur rogol berlaku. Bagaimanapun, mangsa didapati dicabul ketika di dalam tandas sekolah," katanya.

**“
Hasil siasatan
dapati tiada unsur
rogol, tetapi
dicabul dalam
tandas
Alzafny
Ahmad**

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	SCHOOL GUARD, BOYFRIEND HELD FOR ALLEGEDLY MOLESTING GIRL		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	11 OKTOBER 2025	M/SURAT :	11
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

7-DAY REMAND

School guard, boyfriend held for allegedly molesting girl

REMBAU: A 22-year-old female school security guard and her boyfriend, 25, have been arrested for allegedly molesting a 9-year-old pupil in a school toilet here recently.

Police made the arrest following a report lodged by the victim's mother, who claimed her daughter was raped.

Negeri Sembilan police chief Datuk Alzafny Ahmad said both suspects were arrested on Tuesday night, hours after the report was lodged.

"About 8pm on Tuesday, a woman lodged a report claiming that her daughter, who is a pupil at the school, was raped by a man.

"The incident allegedly took place when the victim was in the school toilet about 9.30am," he said yesterday.

"The doctor's examination found that no rape occurred, and it is suspected to be attempted rape," he said, adding that the victim was also believed to have been molested.

Both suspects had been remanded for seven days.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Cabul murid dalam tandas sekolah, pengawal keselamatan, kekasih ditahan

Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Rembau: Pengawal keselamatan wanita dan kekasihnya ditahan polis selepas disyaki terbahit mencabul seorang murid perempuan tahun tiga di tandas sebuah sekolah di daerah ini, Selasa lalu.

Terdahulu, polis menerima laporan daripada ibu mangsa mendakwa anaknya yang berusia sembilan tahun itu dirogol ketika ke tandas sekolah berkenaan.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Alzafny Ahmad berkata, kedua-dua suspek ditahan di sekitar daerah Rembau pada malam Selasa susulan laporan dibuat.

"Lebih kurang jam 8 malam Selasa lalu, laporan polis dibuat seorang wanita mendakwa anak perempuan yang belajar di sebuah sekolah kebangsaan di sinin dirogol seorang lelaki.

"Kejadian berlaku ketika mangsa berada di dalam tandas sekolah itu jam 9.30 pagi ketika murid berkenaan pergi ke tandas untuk membuang air," katanya, ketika dihubungi, hari ini.

Jelas beliau, dalam kes ini terdapat tangkapan seorang wanita berusia 22 tahun iaitu pengawal keselamatan sekolah berkenaan dan seorang lelaki berumur 25 tahun yang juga teman lelaki wanita itu.

"Susulan itu, mangsa dibawa ke Hospital Tunku Jaafar (HTJ), Seremban untuk pemeriksaan lanjut. Hasil pemeriksaan doktor mendapati tiada kejadian rogol berlaku dan disyaki cubaan rogol," katanya.

Ujar beliau, kedua-dua suspek ditahan reman selama tujuh hari bermula 8 Oktober hingga 14 Oktober depan dan kes disiasat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

"Hasil siasatan mendapat tiada unsur rogol berlaku terhadap mangsa. Bagaimanapun, mangsa didapati dicabul ketika di dalam tandas sekolah," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TEEN NABBED FOR ALLEGEDLY RAPING YOUNGER SISTER

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 11 OKTOBER 2025

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Police personnel with the teenage suspect. – Police photo

Teen nabbed for allegedly raping younger sister

BAU: A 16-year-old boy here has been arrested by police on suspicion of raping his younger sister.

Bau police chief Supt Mohd Haide A. Rahman said the matter came to light after the girl, 15, was brought to the hospital for treatment.

"After receiving a report from the hospital on Oct 9, police swiftly detained the suspect along Jalan Tasik Biru on suspicion of raping his biological

sister," he said in a statement yesterday.

Mohd Haide said an investigation paper has been opened under Section 376(3) of the Penal Code, which provides for imprisonment of not less than eight years and whipping, upon conviction.

He added investigations are ongoing, and that several witnesses, including family members, will be summoned to assist the probe.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Remaja berusia 16 tahun ditahan disyaki rogol adik kandung

🕒 Oktober 10, 2025, Jumaat - 12:15pm



Suspek ditangkap untuk siasatan lanjut.-Gambar IPD Bau

BAU: Polis menahan seorang remaja lelaki berusia 16 tahun selepas disyaki merogol adik kandungnya sendiri, berumur 15 tahun, di sebuah rumah di Jalan Tasik Biru, Bau.

Ketua Polis Daerah Bau, Superintenden Mohd Haide A Rahman berkata laporan kes mula diterima daripada pihak hospital pada 9 Oktober 2025, setelah mangsa dibawa untuk rawatan.

Katanya, Bahagian Siasatan Jenayah IPD Bau kemudian mengambil tindakan segera untuk menahan suspek di lokasi kejadian.

“Sebaik menerima maklumat daripada pihak hospital, sepasukan anggota Bahagian Siasatan Jenayah IPD Bau telah menahan seorang lelaki tempatan berumur 16 tahun di sebuah rumah di Jalan Tasik Biru, kerana disyaki merogol adik kandungnya sendiri,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau menambah bahawa satu kertas siasatan telah dibuka di bawah Seksyen 376(3) Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lapan tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Kes kini dalam siasatan lanjut dan beberapa saksi termasuk ahli keluarga akan dipanggil bagi membantu proses siasatan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	MAN SUSPECTED OF ABUSING GIRL TO DEATH ON 7-DAY REMAND		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	11 OKTOBER 2025	M/SURAT :	12
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM



The suspect is escorted from the courtroom after the proceeding. — Photo by Mohd Faisal Ahmad

Man suspected of abusing girl to death on 7-day remand

Kentigera Minggu & Galileo Petingi

KUCHING: The Magistrates' Court here yesterday ordered a seven-day remand on a 32-year-old man to assist with investigations into the fatal abuse of a three-year-old girl at a house in Kampung Rampangi here on Tuesday.

Assistant Registrar Aida Montong approved the remand application under Section 302 of the Penal Code for murder, with the order taking effect today (Oct 11).

The Section carries the death penalty or imprisonment of between 30 and 40 years, and not less than 12 strokes of the cane, upon conviction.

The suspect arrived at the court compound at around 8.30am escorted by police officers, and was unrepresented during the proceedings.

On Thursday, Kuching police chief ACP Alexson Naga Chabu said in a statement that initial investigations suggest that the

victim was abused to death.

The suspect was arrested at a house in Kampung Krian, Jalan Padawan near here.

According to Alexson, the suspect has six prior criminal records related to drug offences and tested positive for drugs during an initial urine screening.

Meanwhile, Sarawak Police Commissioner Datuk Mohamad Zainal Abdullah said the girl's mother has provided her statement to police.

"In our initial investigations, we've also recorded the suspect's confession, and during the arrest, the suspect was also found positive for drugs.

"We also believe that the suspect may have a relationship with the victim's mother, but surely they are not husband and wife," he said when met after the monthly assembly at the Sarawak Police Contingent headquarters here yesterday.

Mohd Zainal added that a post-mortem was being conducted yesterday to determine the child's cause of death.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : KES DERA BUDAK: POLIS AMBIL KETERANGAN IBU

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 OKTOBER 2025

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Kes dera budak: Polis ambil keterangan ibu

Kuching: Polis sudah mengambil keterangan ibu kepada kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun yang maut dipercayai akibat didera di Kampung Rampangi, Santubong, dekat sini, Selasa lepas.

Pesuruhjaya Polis Sarawak Datuk Mohamad Zainal Abdullah berkata, wanita berusia 37 tahun itu bagaimanapun belum ditahan kerana siasatan masih dijalankan.

“Setakat ini, kita hanya mengambil keterangan ibu mangsa untuk membantu siasatan, belum ada keperluan menahannya,” katanya selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan Pesuruhjaya Polis Sarawak di Ibu Pejabat Polis

Kontinjen (IPK) Sarawak di sini, semalam.

Beliau berkata, polis menyasat hubungan antara wanita itu dan suspek lelaki, 32, kini direman bagi membantu siasatan.

“Kita percaya mereka ada hubungan (saling mengenali), namun hubungan sebenar masih dalam siasatan...mungkin sekadar kawan, mungkin kekasih. Kita akan maklumkan, tetapi (yang pasti) mereka bukan pasangan suami isteri,” katanya.

Mohamad Zainal berkata, lelaki terbabit ditahan dalam tempoh kurang 24 jam selepas kejadian dan hasil saringan air kencing dia positif terhadap dadah.